

22/06/1999

Islam bukan sekadar melaungkan slogan

Nasir Hassan

SEBANYAK 19 perkara yang disenaraikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membezakan Umno dengan Pas, ketika menggulung perbahasan pada Persidangan Agung Umno, semalam, cukup memberi kefahaman mendalam kepada rakyat mengenai politik dua parti itu. Kenyataan itu sekali gus mematahkan hujah yang dicanangkan pemimpin dan ahli Pas selama ini yang mendakwa parti mereka adalah satu-satunya parti politik alternatif terbaik bagi orang Melayu yang mengamalkan dasar Islam.

Presiden Umno itu secara terus terang menghuraikan satu persatu mengenai perbezaan yang ketara di antara dua parti politik terbesar orang Melayu di tanah air. Huraian itu juga dapat menyedarkan ahli Pas sendiri yang selama ini menganggap parti itu sebagai satu-satunya parti politik yang memperjuangkan Islam.

Perbezaan itu, menurut Perdana Menteri, jelas membuktikan bahawa Umno adalah parti yang benar-benar berpegang kepada Islam berbanding Pas yang hanya tahu melaung-laungkan ajaran Islam tetapi tidak melaksanakannya.

Pas melaungkan usaha menubuhkan negara Islam dengan mencanangkan slogannya 'Membangun Bersama Islam' selepas mengambil alih teraju pemerintahan Kelantan daripada Barisan Nasional (BN) pada 1990. Malangnya, realitinya tidak wujud.

Ini kerana, Islam tidak akan berjaya dengan hanya melaungkan slogan untuk menyedapkan pendengaran semata-mata tanpa melakukan segala dasar yang diperjuangkan.

Sebenarnya, Umno juga mempunyai hasrat yang sama, cuma cara pendekatannya berbeza. Ini seperti slogannya yang pernah digunakan Umno dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, iaitu 'Membangun Islam Secara Bijaksana'. Konsep kesederhanaan yang diamalkan Umno dalam sebarang tindakan yang dilaksanakan selaras tuntutan agama Islam yang mahu umatnya bersikap sederhana dalam semua perkara.

Umno lebih mendorong rakyat negara ini supaya menyemai sifat kasih mengasihi dan sayang menyayangi di antara satu sama lain tanpa mengira fahaman politik, berbanding dengan Pas yang lebih memencilkan diri dan hanya mewujudkan perpaduan sesama ahli semata-mata. Di sesetengah tempat masih ada ahli yang mengamalkan sikap pulau memulau, sembahyang dua imam, tidak bertegur sapa antara saudara kerana berlainan fahaman politik.

Malah, difahamkan masih ada 39 tempat di Terengganu berlaku solat Jumaat berasingan. Ini disahkan sendiri Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Terengganu, Datuk Shafie Daud.

Pas seharusnya bersikap rasional dalam membuat sesuatu penilaian mengikut realiti dan tidak harus menolak sesuatu yang baik itu atas dasar ia bukan daripada golongan mereka. Sifat ini, jika dibiarkan akan menyebabkan negara akan menghadapi masalah sosial di kalangan rakyat berbilang bangsa, agama dan perbezaan fahaman politik. Pas tidak sepatutnya hanya mengamalkan ajaran Islam yang dituntut melalui fardu ain semata-mata dengan mengabaikan fardu kifayah yang wajib dilaksanakan untuk kepentingan umum.

Ini termasuk pembinaan sekolah, jalan raya, dan kemudahan asas yang lain. Semua projek sosial ini tidak harus dipandang kecil dan menjadi tanggungjawab kerajaan melaksanakannya. Pemimpinnya pula hendaklah menunjukkan teladan yang baik dan tidak hanya menampilkan Islam tanpa berbuat sesuatu mengikut kehendak agama. Mereka harus bersikap terbuka dan berani menegur mana-mana ahlinya yang disifatkan sebagai melampau kerana

terlalu taksub kepada parti melebihi daripada segalanya. Ini selaras kenyataan Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini, bahawa ahli Pas yang mendakwa Umno sebagai kafir adalah golongan pelampau dalam Pas.

Jika benar beliau sedar masih wujud golongan itu dalam parti berkenaan, kenapa beliau yang sebelum ini pernah mengetuai Dewan Ulama Pas Pusat tidak menasihatkan ahlinya supaya tidak berbuat demikian, walaupun tidak sanggup bertaubat beramai-ramai bagi menyatakan kekesalannya terhadap perbuatan itu.

Pengakuan terbaru Nik Abdul Aziz kelmarin bahawa Pas menggunakan ayat suci al-Quran untuk kepentingan Islam, bukannya untuk kepentingan parti patut dipuji kerana itulah yang dikehendaki Islam. Tetapi daripada pengamatan pemerhati politik, Pas dilihat lebih banyak menggunakan ayat al-Quran yang boleh menguntungkan parti mereka. Contohnya, mereka tidak kerap menggunakan ayat 103 surah Al-Imran yang antara lain menyeru umat Islam supaya bersatu, yang bermaksud: "Berpegang teguhlah kamu semua dengan tali Allah dan jangan kamu bercerai-berai".

(END)